

Jelaskan agenda kerajaan

UM-14/4/2007

Oleh YUSRI SAHAT

KUALA LUMPUR 13 April - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengarahkan semua jentera UMNO di peringkat negeri 'turun padang' hingga ke akar umbi bagi memberikan penjelasan berhubung agenda kerajaan yang dikelirukan oleh pihak tertentu terutama pembangkang.

Antara perkara yang disentuh oleh Presiden UMNO itu ialah soal pendidikan dan perpaduan orang Melayu, Islam Hadhari dan Wilayah Peribungan Iskandar di Johor.

Ketua Penerangan UMNO Selangor, Datuk Abdul Rahman Palil yang berada dalam pertemuan itu memberitahu *Utusan Malaysia*, Perdana Menteri tidak mahu rakyat terus terkeliru dengan fitnah terhadap agenda murni kerajaan bagi membangunkan negara ini, sekurang-kurangnya dalam tempoh 50 tahun lagi.

"Kata Perdana Menteri, kita sudah merdeka selama 50 tahun dan kini kita kena fikirkan untuk 50 tahun akan datang," katanya.

Abdullah mengadakan pertemuan dengan ketua-ketua penerangan UMNO dari seluruh negara di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Hadir sama pada majlis itu ialah Ketua Penerangan UMNO, Tan Sri Muhammad Muhd. Taib dan Menteri Penerangan, Datuk Seri Zainuddin Maidin.

Beliau juga sempat mengadakan pertemuan tertutup dengan ketua-ketua penerangan UMNO negeri di bangunan tersebut.

Dalam ucapannya selama hampir sejam itu, Abdul Rahman berkata, Presiden UMNO mengingatkan orang Melayu supaya tidak selesa dengan nikmat kesenangan yang dikecapi pada masa ini.

Sikap sedemikian, tegas Abdul Rahman, akan menyebabkan orang Melayu ketinggalan dalam pelbagai aspek termasuk kuasa yang dipegang hari ini.

Abdullah juga, jelas beliau, turut melahirkan rasa bimbang terhadap perpecahan orang Melayu yang boleh menjejaskan Misi Nasional untuk membangunkan negara ini.

"Perdana Menteri tidak mahu selepas



ABDULLAH Ahmad Badawi menunjukkan Buku Panduan Penambahbaikan Urusan Cadangan Pemajuan serta Penyenggaraan dan Pengurusan Hartanah yang dilancarkannya pada majlis perasmian Persidangan Mempertingkatkan Sistem Penyampaian Perkhidmatan Kerajaan sambil diperhatikan oleh Najib Tun Razak dan Ong Ka Ting di Petaling Jaya, semalam.

- Gambar HALIM KHALID

100 tahun merdeka, orang Melayu menderita, ketinggalan dalam pelbagai bidang di negara sendiri," tegasnya.

Sehubungan itu, jelasnya, Abdullah menekankan kepada aspek pendidikan sebagai persiapan kepada orang Melayu untuk menghadapi cabaran yang lebih besar dalam tempoh 50 tahun akan datang.

Perdana Menteri juga, tambahnya, kritikal dengan sikap segelintir orang Melayu yang

memperlekehkan konsep Islam Hadhari yang bertujuan melahirkan umat Islam progresif di negara ini.

"Jika Islam Hadhari dilihat dari sudut negatif, maka negatiflah jadinya tetapi jika dilihat dari sudut positif, ia akan menjadi positif," jelasnya.

Abdullah juga menyentuh mengenai WPI yang cuba dikelirukan oleh pihak tertentu yang kononnya menyekat peluang

anak tempatan untuk melabur, ujarnya.

Berikutan itu, kata Abdul Rahman, Perdana Menteri memberi jaminan bahawa anak tempatan tidak akan dipinggirkan walaupun WPI dibuka kepada pelabur asing.

Menurut beliau, Abdullah telah menjelaskan bahawa pelaburan asing amat perlu bagi membolehkan anak-anak tempatan memperoleh pekerjaan.